

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KMK SEMPENA KONVENSYEN KMK
PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI KONVENSYEN KMK PERINGKAT KEBANGSAAN
Lokasi : HOTEL ALLSON KLANA RESORT, SEREMBAN
Tarikh : 14-07-1998

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya sekali lagi Perkhidmatan Awam berjaya menganjurkan Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Peringkat Kebangsaan Bagi Sektor Awam serta Majlis Penyampaian Anugerah KMK dan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam bagi tahun 1998. Sesungguhnya Konvensyen KMK ini merupakan acara kemuncak kepada program KMK yang diperkenalkan di sektor awam sejak tahun 1983 lagi. Di samping itu program-program inovasi dan penambahbaikan adalah merupakan agenda penting Perkhidmatan Awam dalam konteks cabaran semasa bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan.

2. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan KMK yang berjaya di Konvensyen yang telah diadakan selama dua hari ini. Sebenarnya semua KMK yang menyertai Konvensyen KMK Peringkat Kebangsaan ini adalah KMK yang berjaya. Ini adalah kerana setiap KMK adalah merupakan pemenang di peringkat negeri masing-masing. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada fasilitator- fasilitator yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Fasilitator tahun ini. Adalah jelas bahawa peranan fasilitator amat penting di dalam menentukan sesuatu KMK itu berjalan lancar dan sentiasa bergiat dalam memenuhi objektifnya. Fasilitator adalah merupakan penasihat, penghubung dan pendorong bagi pelaksanaan projek-projek KMK di agensi masing-masing. Hanya dengan komitmen dan semangat yang tinggi sahaja seseorang fasilitator itu akan dapat memajukan KMK masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam, pula merupakan satu pengiktirafan yang diberikan oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan pegawai-pegawai awam membudayakan inovasi di agensi masing-masing. Inovasi merupakan suatu peluang yang membolehkan anggota perkhidmatan awam serta agensi-agensi kerajaan sentiasa berfikir dan mencari cara- cara baru dalam melaksanakan tugas seharian terutama sekali untuk memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Antara lain, kriteria inovasi adalah penjimatan kos operasi, masa, meningkatkan hasil kerja dan kepuasan hati pelanggan. Ini jelas menunjukkan bahawa inovasi juga tidak ada hadnya.

Sebenarnya ada ruang yang masih boleh diperbaiki lagi dalam mana-mana sistem perkhidmatan yang kita berikan.

4. Saya amat gembira kerana pada tahun ini sebanyak 136 agensi telah menyertai Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam dan sebanyak 7 pencalonan telah diterima untuk menyertai Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam bersama dengan pihak swasta. Penyertaan yang sebanyak itu tidak syak lagi merupakan manifestasi daripada kesedaran dan penglibatan agensi-agensi kerajaan tentang betapa pentingnya inovasi diamalkan dalam Perkhidmatan Awam kita.

5. Kesemua agenda pembaharuan dan budaya kerja cemerlang misalnya melalui KMK dan Inovasi, sudah pasti tidak mungkin dapat ditingkatkan tanpa kerjasama daripada para pemimpin atau pengurusan pihak atasan sesuatu agensi. Pemimpin adalah merupakan pemandu arah dan peneraju kepada sesebuah organisasi. Kejayaan setiap perubahan ke arah kecemerlangan adalah banyak bergantung kepada daya kepimpinan. Isu kepimpinan menjadi semakin kritikal kepada Perkhidmatan Awam dalam usaha untuk membawa negara ke era teknologi maklumat. Kepimpinan hendaklah berupaya memenuhi dua tanggungjawab besar iaitu, pertama, lebih kreatif dalam merangka strategi dan program bagi merealisasikan Wawasan 2020. Kedua, kepimpinan juga perlu berupaya mengimbangi isu sosial, ekonomi dan politik dalam meneruskan dasar pembangunan negara.

6. Cabaran yang terbesar menunggu setiap pemimpin sesuatu organisasi itu adalah sejauhmana mereka

dapat menyesuaikan organisasi masing-masing dengan paradigma baru dalam persekitaran yang pesat berubah dan terbuka luas. Pemimpin-pemimpin organisasi perlu memiliki pelbagai kualiti kepimpinan seperti kemahiran konseptual, kemahiran teknikal, kebolehan semula jadinya dan kemahiran berhubung dalam menangani keadaan yang berlaku dipersekitaran semasa.

7. Perkhidmatan Awam negara kita telah mengalami banyak perubahan serta kemajuan. Namun demikian, banyak lagi pembaharuan perlu diperkenalkan supaya Perkhidmatan Awam tidak terkongkong dengan fungsi tradisinya iaitu hanya terikat dengan peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang ketat, pemusatan kuasa dan keputusan dari pihak atasan sahaja. Perkhidmatan Awam sebaliknya perlu lebih fleksibel dengan meninggalkan cara-cara lama dan mencari kaedah-kaedah alternatif yang lebih berkesan. Oleh itu KMK dan Inovasi merupakan 'tool' bagi membolehkan kita menilai semula semua sistem-sistem yang ada atau mempelopori sistem 'bottom up planning'. Sikap proaktif serta benar-benar bersungguh yang ditunjukkan oleh ahli-ahli KMK dan Inovasi hendaklah diamalkan dalam usaha kita memperkukuhkan nilai-nilai budaya kualiti. Demikian juga kita perlu membaharui komitmen masing-masing untuk sama-sama meneruskan perjuangan menegakkan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang di Malaysia.

8. Dalam memantapkan lagi Perkhidmatan Awam kita, sukacita saya menyeru kepada semua ketua-ketua jabatan supaya memimpin organisasi masing-masing sebagai satu pasukan yang padu, konsisten dan sistematik. Di samping itu ketua-ketua jabatan hendaklah memberi peluang kepada semua pegawai bawahannya supaya dapat mengembangkan bakat masing-masing dalam pelbagai bidang, khususnya dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan KMK dan inovasi. Saya percaya di setiap organisasi itu pasti ada pelbagai anggota yang memiliki pelbagai ilmu pengetahuan, pengalaman, kebolehan dan sebagainya. Oleh itu gembelngkanlah semua pengetahuan dan kebolehan ini untuk mempertingkatkan lagi keupayaan organisasi melaksanakan tugas masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Saya yakin dan percaya bahawa berkat usaha gigih dan komitmen ketua-ketua jabatan dan semua anggota Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Awam kita akan benar-benar menjadi tulang belakang yang kukuh kepada Kerajaan dalam menghadapi apa jua keadaan sekalipun. Impian saya ialah untuk merealisasikan Perkhidmatan Awam Malaysia yang benar-benar berwibawa dan mencapai 'World Class'.

10. Saya juga yakin bahawa semua anggota Perkhidmatan Awam akan sama-sama menghayati serta rela berkorban untuk menghadapi masalah kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara masa kini. Ingin saya meminta perhatian tuan-tuan sekalian terhadap seruan Y.A.B. Dato Seri Dr.

Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia supaya Perkhidmatan Awam mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan dengan mengurangkan karenah birokrasi. Dalam hal ini Y.A.B. Perdana Menteri memberi contoh di mana jika sesuatu kelulusan itu biasanya diberikan dalam tempoh satu atau dua bulan, sekarang kelulusan patut diberi dalam dua tiga hari, dan kalau boleh dalam masa satu hari.

11. Ini penting kerana antara strategi yang baik bagi membolehkan negara menghadapi kegawatan ekonomi ialah meningkatkan lagi kerjasama di antara sektor awam dan sektor swasta. Dalam hal ini Y.A.B. Perdana Menteri juga mengingatkan kita supaya bekerja lebih kuat lagi dan tidak mengalah kepada cabaran yang melanda negara.

12. Suka juga saya menyatakan bahawa salah satu lagi strategi terbaik untuk mengatasi kegawatan ekonomi ialah dengan mengelakkan pembaziran, samada pembaziran sumber, masa, tenaga ataupun wang. Belilah barangan tempatan dan gunalah kemudahan yang ada dalam negeri seperti bercuti dalam negeri, mengeksport barangan melalui pelabuhan sendiri. Hanya dengan komitmen yang tinggi dan tindakan bersepadu oleh tiap-tiap rakyat, termasuklah anggota Perkhidmatan Awam barulah usaha kita berkesan. Keadaan ekonomi sekarang adalah luar biasa dan oleh itu memerlukan komitmen yang luar biasa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Di sini suka saya tegaskan sekali lagi betapa pentingnya bagi semua anggota Perkhidmatan Awam mempertingkatkan lagi perpaduan bukan sahaja dalam organisasi masing-masing malah di antara suatu organisasi dengan organisasi yang lain. Adalah jelas bahawa Konvensyen KMK yang diadakan ini merupakan peluang yang terbaik bagi para peserta dan penganjur untuk mewujudkan `networking' iaitu jaringan perhubungan di antara satu sama lain, serta bertukar-tukar ide dan pengalaman.

Bertambah eratnya hubungan antara tuan-tuan dan puan-puan bertambah bersepadulah Perkhidmatan Awam negara kita.

Dengan itu meningkatlah kemampuan kita untuk menghadapi cabaran yang timbul.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pasukan KMK yang telah menyertai Konvensyen ini dan kepada Jabatan-jabatan yang telah menyertai Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 1998. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sektor swasta yang telah ikut serta bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan melaksanakan inovasi bersama. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.B. Dato' Mohamad Shaid bin Mohd. Taufek, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan serta para pegawainya yang telah sudi menjadi tuan rumah kepada Konvensyen yang diadakan pada kali ini.

15. Akhir kata, saya dengan ini menutup dengan rasminya Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja Kali Ke 15 Peringkat Kebangsaan Bagi Sektor Awam 1998 serta Majlis pada petang ini, dengan kalimah yang mulia assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Terima kasih.